



## NOTIS MAKLUMAN

### PELAN PENYELESAIAN HUTANG MELALUI PENJADUALAN SEMULA BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN

Berkuat kuasa 1 Oktober 2022, Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) akan memperkenalkan pelan khusus bagi membenarkan pelanggan yang meninggalkan perkhidmatan/ bersara tidak berpencen meneruskan bayaran ansuran bulanan pembiayaan LPPSA melalui penjadualan semula bayaran balik pembiayaan di bawah **Pelan Penyelesaian Hutang (*Debt Settlement Plan - DSP*)**.

Permohonan DSP akan dibuka mulai pada **1 Oktober 2022** melalui pautan <https://services.lppsa.gov.my/dsp/> .

Pertanyaan lanjut boleh dirujuk melalui saluran digital rasmi LPPSA yang berikut:

- a. Kaunter Virtual Platform LPPSA, UTC Sabah
- b. Facebook rasmi LPPSA, [@OfficialPageLPPSA](#)
- c. Whatsapp rasmi LPPSA, [03-8880 2121](tel:03-88802121)
- d. Lia Chatbot & Live Chat, [chatbot.lppsa.gov.my](https://chatbot.lppsa.gov.my)
- e. IVR Menu Layan Diri, [03-8880 1600](tel:03-88801600)
- f. Pertanyaan/Cadangan, [Portal e-Tiket \(https://etiket.lppsa.gov.my\)](https://etiket.lppsa.gov.my)

**1 SEPTEMBER 2022**

## SOALAN LAZIM / FREQUENTLY ASK QUESTION (FAQ)

NO.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah itu Pelan Penyelesaian Hutang (DSP)	Satu pelan baharu yang diperkenalkan oleh LPPSA bagi memulihkan dan menyelesaikan hutang sivil pelanggan yang meninggalkan perkhidmatan atau bersara tidak berpencen melalui penjadualan semula bayaran balik pembiayaan.
2.	Siapakah yang layak memohon pelan DSP ini?	DSP ini layak dimohon oleh anggota tentera yang bersara tidak berpencen (menamatkan perkhidmatan mengikut tempoh jangka pendek) atau penjawat awam yang meninggalkan perkhidmatan.
3.	Siapakah yang tidak layak memohon pelan DSP ini?	Pelan DSP ini tidak layak kepada peminjam: - Berstatus mufliis/bankrap - Hartanah telah dilelong
4.	Bilakah pelan DSP ini boleh dimohon?	Pelan DSP ini boleh dimohon bermula <b>1 Oktober 2022</b>
5.	Apakah syarat permohonan dan kelulusan DSP?	Rujuk <a href="#">syarat permohonan dan kelulusan</a> DSP 1 atau DSP 2
6.	Berapakah kadar faedah/keuntungan yang dikenakan?	Rujuk <a href="#">terma kelulusan</a> DSP 1 atau DSP 2
7.	Bagaimanakah cara menyemak butiran kelayakan akaun saya sebelum saya membuat permohonan?	Semakan butiran kelayakan akaun boleh dilakukan melalui talian 0388801600 atau melalui Portal Pertanyaan /Aduan Rasmi LPPSA di <a href="https://etiket.lppsa.gov.my">https://etiket.lppsa.gov.my</a>
8.	Sekiranya saya diberhentikan disebabkan masalah tatatertib, adakah saya layak memohon?	Layak memohon DSP 2

NO.	SOALAN	JAWAPAN
9.	Bagaimanakah saya ingin memohon?	Permohonan boleh dilakukan melalui Portal Online LPPSA seperti dipautan <a href="https://services.lppsa.gov.my/dsp/">https://services.lppsa.gov.my/dsp/</a>
10.	Bagaimanakah cara bayaran ansuran bulanan boleh dilakukan?	<p>Bagi tujuan pembayaran balik pembiayaan, bayaran perlulah dibuat dengan menggunakan nombor <b>Akaun Virtual CIMB (VA) 98&lt;&lt;VAACTNO&gt;&gt;</b> yang <b>dikhhususkan kepada peminjam</b> melalui kaedah yang tertera dibawah:</p> <p>3.1 Tunai di Kaunter CIMB seluruh Malaysia, atau;</p> <p>3.2 Online melalui IBG, IBFT, RENTAS, Maybank2U atau CIMBClicks, atau;</p> <p>3.3 Mesin layan diri CIMB Bank – ATM dan Deposit Tunai.</p> <p>Tatacara pembayaran (E-bayaran) boleh dirujuk pada pautan <a href="https://myfinancing.lppsa.gov.my/my/e-bayaran">https://myfinancing.lppsa.gov.my/my/e-bayaran</a></p>
11.	Bolehkan ahli keluarga saya membantu saya membuat ansuran bayaran bulanan?	Ya. Waris atau ahli keluarga boleh membuat bayaran melalui tatacara yang dinyatakan di atas (item 10) atau melalui pautan: <a href="https://myfinancing.lppsa.gov.my/my/e-bayaran">https://myfinancing.lppsa.gov.my/my/e-bayaran</a>
12.	Adakah Pelan DSP ini dilindungi insuran?	Ya, pelan DSP ini mengekalkan perlindungan insuran yang asal.

NO.	SOALAN	JAWAPAN
13.	Bagaimanakah sekiranya saya tidak mampu mengikuti jadual ansuran bayaran pelan DSP yang ditawarkan?	Pelanggan dinasihatkan untuk berbincang dengan pegawai LPPSA di talian 0388801600 atau melalui Portal Pertanyaan /Aduan Rasmi LPPSA di <a href="https://etiket.lppsa.gov.my">https://etiket.lppsa.gov.my</a>
14.	Adakah saya boleh merendahkan ansuran bayaran bulanan setelah mengikuti pelan DSP tersebut?	Tidak
15.	Adakah tindakan perundangan dihentikan setelah saya menyertai pelan DSP?	Ya
16.	Adakah saya dibenarkan membuat pembiayaan semula dengan Bank/ Institusi pembiayaan lain semasa pelan DSP	Ya, pembiayaan semula boleh dibuat. Namun, bayaran ansuran bulanan perlu diteruskan sehingga penyelesaian penuh dibuat ke atas baki hutang pembiayaan LPPSA.
17.	Adakah saya layak mendapatkan faedah/keuntungan 4% setahun sekiranya saya berkhidmat semula di Sektor Awam	Ya, permohonan perlu dibuat bagi penjadualan semula dengan kadar 4% setahun.
18.	Bagaimana sekiranya saya diisytiharkan bankrap semasa menjalani pelan DSP?	Tuan dinasihatkan merujuk terlebih dahulu dengan Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM)
19.	Saya membuat pinjaman bersama dengan pasangan di LPPSA, namun saya telah meletak jawatan dan pasangan masih berkhidmat di Sektor Awam. Adakah saya layak menyertai pelan DSP ini?	Ya. Tuan boleh memohon pelan DSP dan meneruskan ansuran bayaran bulanan tersebut.
20.	Sekiranya saya tamat perkhidmatan semasa hartanah masih di dalam pembinaan, adakah wang pengeluaran pembiayaan akan diteruskan selepas permohonan pelan DSP diluluskan?	Ya. Pengeluaran bayaran berperingkat atas tuntutan pihak pemaju atau kontraktor akan diteruskan sehingga bayaran keseluruhan dibuat termasuk premium bagi Polisi Pemilik Rumah Jangka Panjang (LTHO).

KRITERIA	DSP 1	DSP 2
<b>SYARAT PEMOHON</b>		
Kelayakan	<input type="checkbox"/> Meninggalkan Perkhidmatan/ Bersara Tidak Berpencen TIDAK termasuk diberhentikan kerja (masalah tatatertib) <input type="checkbox"/> Bukan seorang penghutang penghakiman atau bankrap	<input type="checkbox"/> Tidak layak DSP 1 <input type="checkbox"/> Bukan seorang Bankrap <input type="checkbox"/> Mempunyai kemampuan bayaran balik
<b>SYARAT KELULUSAN</b>		
Status Akaun	<input type="checkbox"/> Tunggakan tidak melebihi 12 ansuran bulanan semasa kelulusan <input type="checkbox"/> Hartanah belum dilelong	<input type="checkbox"/> Hartanah belum dilelong
Tempoh Permohonan	Tidak melebihi 12 bulan dari tarikh tamat / meninggalkan perkhidmatan	Tiada had
Dokumen Wajib	Surat pengesahan dan sokongan majikan	1. Surat Permohonan 2. Borang Rayuan Bayaran Balik 3. 3 bulan Slip Gaji/ Pengesahan majikan/ Penyata KWSP yang terkini 4. 3 bulan Penyata Akaun Bank (bagi yang berniaga)/ bukti pendapatan lain 5. Surat akaun bersumpah (sekiranya tiada item 3 dan 4) 6. Dokumen sokongan lain (sekiranya perlu)

KRITERIA	DSP 1	DSP 2
<b>TERMA KELULUSAN</b>		
Kadar Faedah/Keuntungan	1) Ditentukan oleh LPPSA mengikut pelan ( <a href="#">rujuk matrix</a> ) 2) Sekiranya tunggakan melebihi 3 ansuran bulanan, kadar 7% setahun akan dikenakan ke atas baki pembiayaan sehingga tamat tempoh pembiayaan/ penyelesaian penuh.	7% setahun sehingga tamat tempoh pembiayaan
Bayaran balik	Ansuran bulanan bermula sebulan selepas kelulusan	Ansuran bulanan bermula sebulan selepas kelulusan
Tempoh Pembiayaan asal	Tidak berubah	Tidak berubah
Syarat-syarat lain pembiayaan	Tidak berubah	Tidak berubah

### MATRIX KETETAPAN KADAR FAEDAH / KEUNTUNGAN DSP 1

TEMPOH BERKHIDMAT	TEMPOH PINJAMAN TELAH BAYAR					
	KURANG 1 TAHUN	1 KE < 5 TAHUN	5 KE < 10 TAHUN	10 KE < 15 TAHUN	15 KE < 20 TAHUN	20 TAHUN KE ATAS
< 5 TAHUN	4.00% 12-bln 6.50% 13-bln >*	4.00% 12-bln 6.00% 13-bln >*				
5 KE < 10 TAHUN	4.00% 36-bln 6.50% 37-bln >*	4.00% 36-bln 6.00% 37-bln >*				
10 KE < 15 TAHUN	4.00% 72-bln 6.50% 73-bln >*	4.00% 72-bln 6.00% 73-bln >*	4.00% 72-bln 5.50% 73-bln >*	4.00% 72-bln 5.00% 73-bln >*		
15 KE < 20 TAHUN	4.00% 108-bln 6.50% 109-bln >*	4.00% 108-bln 6.00% 109-bln >*	4.00% 108-bln 5.50% 109-bln >*	4.00% 108-bln 5.00% 109-bln >*		
20 TAHUN	4.00% Sehingga tamat tempoh					

Nota:

- >\* sehingga tamat tempoh pembiayaan
- Kadar 4% bermula sebulan selepas kelulusan. Kelewatan permohonan menyebabkan baki tempoh 4% semakin berkurangan.